



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.5/2023  
PADA 31 MEI 2023 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, Pembantu Ahli Majlis, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;

- V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
- VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
- VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
- VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Pada 8 Mei 2023, YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan kerja ke Seremban. Antara lokasi yang dilawati ialah :-
- (i) Pasar Besar Seremban ;
  - (ii) Dataran Lobak ;
  - (iii) Rumah Pangsa Jalan Tun Dr. Ismail ;
  - (iv) Pasar Ampangan ; dan
  - (v) Kg. Baru Cina Mambau
5. Majlis mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak RM13 juta kepada Majlis Bandaraya Seremban dan Kerajaan Negeri Sembilan bagi membaikpulih dan menambahbaik infrastruktur sedia ada bagi menyediakan

kemudahan yang selesa kepada masyarakat setempat supaya dapat merencanakan lagi ekonomi dalam usaha menjayakan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (*Sustainable Development Goals* (SDGs)). Jumlah peruntukan tersebut meliputi 38 projek antaranya projek-projek seperti :-

- (i) Penyelenggaraan Bangunan Pasar Besar Seremban ;
- (ii) Menaiktaraf Dataran Lobak dan kerja-kerja berkaitan ;
- (iii) Penyelenggaraan Rumah Pangsa Tun Dr. Ismail (Templer) ;
- (iv) Penyelenggaraan Pasar Rasah Jaya ; dan
- (v) Penyelenggaraan Kompleks Penjaja Jalan Lee Sam ;

## **PELAPORAN JABATAN**

6. Sehingga 28 Mei 2023, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM60,850,031.24)

Prestasi = RM57,098,405.57 (79.76%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggal (RM25,124,379.24)

Prestasi = RM10,543,410.71 (12.59%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142,100,000)

Prestasi = RM77,982,033.82 (54.88%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205,500,000)

Prestasi = RM103,225,235.34 (50.23%)

(e) Belanja Mengurus (RM204,031,000)

Prestasi = RM67,062,695.40 (32.87%)

(f) Belanja Pembangunan (RM11,469,000)

Prestasi = RM1,259,280.20 (10.98%)

*Sumber : Jabatan Kewangan*

## **KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Pada 2 April 2023, Jabatan Kewangan telah bekerjasama dengan program yang diadakan oleh YB Puan Nicole Tan Lee Koon, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Kebajikan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Kepayang telah mengadakan Kaunter Bergerak Cukai Taksiran semasa Program Kebun Komuniti MBS diadakan di Taman Sri Labu. Sebanyak 23 bilangan akaun Cukai Taksiran dengan jumlah RM10,745.80 berjaya dikutip.

8. Pada 11 April 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan lawatan ke Kilang Dutch Lady Milk Industries Berhad Techpark@Enstek di Bandar Baru Enstek. Majlis berjaya mengutip 3 bilangan akaun dengan jumlah RM14,240.25.
9. Pada 13 sehingga 17 April 2023 pula, Jabatan Kewangan telah mengadakan Operasi Sifar Tunggal Sewaan di Pasar Seremban Jaya, Pasar Rantau, Pasar Besar Seremban dan Pasar Ampangan. Majlis mensasarkan sebanyak 486 bilangan akaun namun hanya 252 bilangan akaun dengan jumlah kutipan sebanyak RM39,755.50 telah berjaya dikutip.
10. Pada 15 April 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan kaunter bergerak Cukai Taksiran di Mydin *Mall* Seremban 2. Sebanyak 129 bilangan kutipan dengan jumlah RM18,515.90 telah berjaya dikutip sepanjang hari tersebut.

*Sumber : Jabatan Kewangan*

## **NOTIS KENYATAAN PINDAAN SENARAI NILAIAN PENGGAL 2/2023**

11. Pada 2 Mei 2023 dan 9 Mei 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mencetak 5,182 notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilai (KPSN). Notis-notis tersebut telah dihantar dan diposkan ke alamat surat menyurat pemilik harta. Daripada keseluruhan 5,182 harta tersebut, sebanyak 3,837 harta adalah kali pertama dikenakan Cukai Taksiran. Selain itu, sebanyak 1,247 harta pula adalah harta-harta telah dicukaikan dan perlu dipinda serta baik 98 harta adalah harta yang diambil tindakan tidak aktif Cukai Taksiran.
12. Daripada 3,837 harta yang kali pertama dikenakan Cukai Taksiran, sebanyak 110 harta adalah melibatkan lot-lot tanah kosong yang telah dibuat pecahan lot daripada lot asal. Selain itu, sebanyak 347 harta-harta berbangunan yang kali pertama dikenakan Cukai Taksiran. Dianggarkan pertambahan hasil cukai sebelum bantahan adalah sebanyak RM891,758.00 setahun.
13. Bagi 1,247 harta sedia ada yang telah dikenakan Cukai Taksiran,, sebanyak 1,065 harta adalah harta yang dipinda Cukai Taksiran daripada tanah kosong kepada Cukai Taksiran tanah berbangunan susulan pengeluaran Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC). Dianggarkan pertambahan hasil cukai sebelum bantahan adalah sebanyak RM731,695.20 setahun.

14. Dianggarkan pertambahan hasil Cukai Taksiran bagi keseluruhan pindaan Senarai Nilai sebelum bantahan pada kali ini adalah RM1.6 juta setahun.

*Sumber : Jab. Penilaian dan Pengurusan Harta*

### **BENGGEL SASARAN KERJA UTAMA (SKU) TAHUN 2024, MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

15. Pada 9 hingga 12 Mei 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Bengkel Sasaran Kerja Utama (SKU) Tahun 2024, Majlis Bandaraya Seremban melibatkan 68 orang pegawai dan kakitangan bertempat di Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi input dan kefahaman lanjut mengenai pembangunan serta pelaksanaan Sasaran Kerja Utama (SKU) yang juga merupakan salah satu *Key Indicator Performance* (HRMIS) Majlis Bandaraya Seremban. Bengkel ini juga dapat memberi pendedahan dan panduan kepada Ketua Jabatan, Ketua Unit dan pegawai berkaitan penyediaan SKU untuk meningkatkan tahap kecekapan dalam menjalankan tugas. SKU ini menjadi platform kepada pengurusan Majlis Bandaraya Seremban untuk mengumpul idea yang bernas dan berimpak tinggi.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

## **SESI *HANDS ON TRAINING* (HOT) SISTEM OSC 3.0 *PLUS* BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

16. Pada 18 Mei 2023, Unit Pusat Setempat (OSC) telah menganjurkan Sesi *Hands On Training* (HOT) Sistem OSC 3.0 *Plus* Bersama Pihak Berkepentingan di Bilik Waris Klana Di Hulu, Wisma MBS. Sesi ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan latihan yang lebih lanjut serta khusus kepada agensi teknikal dalaman, agensi teknikal luaran, pemaju, perunding arkitek dan perunding jurutera yang mempunyai kepentingan dalam cadangan permohonan pembangunan tanah di dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban. Seramai 99 orang peserta telah hadir pada sesi tersebut yang terdiri daripada agensi teknikal dalaman, agensi teknikal luaran, pemaju, perunding arkitek, perunding jurutera, pemaju dan Unit OSC MBS.
  
17. Penceramah jemputan ialah Tuan Haji Mohd Shahrum bin Kadis daripada Bahagian Perunding Kawalan Pemajuan, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah dijemput bagi mendalami Sistem OSC 3.0 *Plus Online*. Sistem ini telah diperkenalkan di mana pelaksanaan urusan permohonan pembangunan melalui kaedah digital sepenuhnya untuk semua proses yang terlibat termasuklah pertimbangan dan kelulusan pelan pemajuan, sejajar dengan pemakaian Manual OSC 3.0 *Plus* yang telah dilaksanakan. Sistem ini juga bertujuan memastikan keberkesanan proses pemantauan dan tindakan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan ke atas tapak projek pembangunan.

18. Para peserta juga telah menerima latihan bagi proses notifikasi mula kerja sehingga pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) melalui proses Notifikasi Mula Kerja Binaan, Pemantauan Tapak Bina dan Notifikasi Pemeriksaan Interim, Notifikasi Pemeriksaan Akhir Peringkat I dan Peringkat II dan Pendepositan CCC.

*Sumber : Unit OSC*

## **PELAPORAN UNIT INTEGRITI**

19. Semenjak penubuhan Unit Integriti pada tahun 2020, pelbagai jenis aduan telah diterima seperti aduan berkaitan salah laku kakitangan, kelewatan atau kegagalan mengambil tindakan ke atas sesuatu aduan, ketidakadilan penguatkuasaan, salah guna kuasa atau penyelewengan dan lain-lain lagi.
20. Pecahan aduan bagi Unit Integriti adalah seperti berikut : -
- (i) Tahun 2020 – 28 kes aduan ;
  - (ii) Tahun 2021 - 35 kes aduan ;
  - (iii) Tahun 2022 – 56 kes aduan ; dan
  - (iv) Tahun 2023 – 19 aduan sehingga kini.

Statistik ini jelas menunjukkan *trend* peningkatan kes aduan setiap tahun.

21. Sehubungan dengan itu, Majlis menyeru warga kerja Majlis Bandaraya Seremban supaya sentiasa mengekalkan nilai-nilai integriti dalam diri masing-masing ketika menjalankan tugas. Adalah diingatkan mana-mana pegawai dan kakitangan Majlis yang terlibat dengan salahlaku atau salah guna kuasa boleh dikenakan tindakan hukuman tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (Kelakuan dan Tatatertib) 1998.

*Sumber : Unit Integriti*

### **LAWATAN *UNITED NATIONS CAPITAL DEVELOPMENT FUND* (UNCDF) BAGI PROGRAM *SMART GREEN ASEAN CITIES* (SGAC) – SEREMBAN**

22. Pada 22 hingga 23 Mei 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima lawatan delegasi daripada *United Nations Capital Development Fund* (UNCDF) bagi *Scoping Mission* SGAC, di mana Seremban merupakan bandar yang menjadi *Pilot City* bagi program ini. Program *Smart Green ASEAN Cities* (SGAC) merupakan program anjuran *Asean Working Group On Environmentally Sustainable Cities* (AWGESC) untuk membangunkan inisiatif penyelesaian pintar dan digital dalam menangani isu-isu alam sekitar dan iklim.

23. Lawatan delegasi UNCDF juga telah diatur bagi melawat projek / inisiatif *Smart & Green* di beberapa buah lokasi seperti berikut :-

- (i) KITAREcycle Hub – Wisma MBS ;
- (ii) Solar PV, *Rooftop* (Bumbung) Wisma MBS ;
- (iii) Solar *Plant*, *Cypark* Kuala Sawah ;
- (iv) Kilang Ajinomoto, Enstek Nilai

24. Lawatan ini juga turut dihadiri oleh wakil daripada pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim iaitu Encik Rudy Eruwan bin Jamain, Pengarah Perancangan Pembangunan MBS dan wakil-wakil daripada jabatan lain. Delegasi UNCDF turut di bawa melawat ke Muzium Negeri dan dihidangkan juadah kampung dengan konsep “Makan Bersilo” serta turut berpeluang melawat Lorong Seni Seremban.

*Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan*

## **PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

25. Bermula 1 Januari 2023 sehingga 7 Mei 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-

- i. *fogging* 27,566 premis ;
  - ii. ULV 30,435 premis ;
  - iii. *larvaciding* 35 lokaliti ;
  - iv. *source reduction* 40 lokaliti ;
  - v. gotong-royong ke atas 50 taman ;
  - vi. 142 sanitasi dan 142 disinfeksi
26. Tanah Perkuburan Kristian Sendayan telah merekodkan sebanyak 24 kematian akibat COVID-19 dan 191 kematian biasa sehingga 22 Mei 2023.
27. Manakala Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 541 kematian akibat COVID-19 dan 359 kematian biasa telah direkodkan sehingga 22 Mei 2023. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah mencatatkan sebanyak 632 kematian biasa telah direkodkan sehingga 22 Mei 2023. Bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka pada 15 April 2022, masih TIADA jenazah dikebumikan di tanah perkuburan tersebut sehingga 22 Mei 2023.
28. Satu Operasi Bersepadu Pembersihan “Hotspot” Sampah Haram Bersama SWCORP telah diadakan pada 5 Mei 2023 bertempat di Jalan SJ 8/1, Taman Seremban Jaya. Tujuan operasi diadakan adalah untuk membersihkan longgokan sisa sampah haram di kawasan bangunan terbengkalai di Fasa 8, Taman Seremban Jaya. Turut hadir semasa sesi operasi tersebut ialah Puan Siti Yusnita bt Muhamad Yusof, Timbalan Pengarah SWCORP Negeri Sembilan,

Puan Jamilah bt Said Ali Ahli Majlis MBS, En. Mohd Lotffee bin Haji Abdullah Pengarah Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran, Pegawai SWM Environment dan beberapa pengamal media tempatan.

*Sumber : Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran*

## **SEMINAR MEMPERKASA PROFESIONALISME DIRI DAN ORGANISASI**

29. Pada 22 Mei 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Seminar Memperkasa Profesionalisme Diri dan Organisasi bertempat di Hotel Klana Resort, Seremban. Seramai 42 orang kakitangan telah terlibat dalam seminar ini yang bertujuan untuk mendidik pemikiran supaya pantas mengambil peluang untuk penambahbaikan diri. Selain itu, seminar ini adalah untuk memperkukuh kepercayaan dan keyakinan diri dalam mengurus, melaksana, mengimplementasi tindakan untuk mencapai matlamat diri. Ianya juga adalah untuk membina kemahiran melakar matlamat, merancang tindakan terperinci dan melaksanakan segala tindakan dengan teratur bagi mencapai matlamat diri supaya pemikiran sentiasa positif dalam memaksimumkan hasil yang ingin dicapai oleh setiap individu dan kepimpinan.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

## **PENUTUP**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

30. Pada 1 Mei 2023, Majlis Sambutan Hari Pekerja 2023 bertemakan “Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia MADANI” telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Tema Hari Pekerja 2023 yang mencerminkan aspirasi yang mendukung prinsip kesejahteraan, keadilan, saling menghormati, ihsan serta jalinan kerjasama semua masyarakat untuk berganding bahu membina Malaysia menjadi sebuah negara yang bertamadun jelas mencerminkan perpaduan dalam kepelbagaian bangsa, agama dan budaya di Malaysia merupakan kunci kedamaian, kemakmuran, kestabilan dan kelangsungan pembangunan negara.
  
31. Akhir kata, saya menyeru warga kerja Majlis Bandaraya Seremban sentiasa bersama-sama berganding bahu dan menjalinkan usahasama yang erat serta mengekalkan momentum kecemerlangan demi memperkasakan lagi mutu penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat bagi mempersiapkan Seremban menjadi sebuah Bandar Raya Pintar atau “*Smart City*”.

Sekian, terima Kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
31 MEI 2023